

MODUL PdPR (KESALAHAN EJAAN DAN SINTAKSIS)

Latihan 1

*Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan ejaan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan tersebut. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

1. Mangsa kemalangan jalan raya itu memfailkan saman di mahkamah untuk menuntut ganti rugi atas kecederaan yang dialaminya.

2. Pemuda yang berambut kerinting itu amat bergaya apabila sedang berucap di pentas.

3. Apabila tiba di lapangan terbang, para pelancong itu menyerahkan paspot masing-masing untuk diperiksa oleh pegawai imigresen yang bertugas.

4. Para pengawas sekolah perlu bertugas dengan efisien agar disiplin murid sentiasa terkawal.

5. Encik Halim mengumumkan bahawa pertandingan olah raga peringkat daerah akan bermula pada bulan Februari ini.

6. Kerajaan berusaha untuk menyalurkan bekalan elektrik dengan membina stesen janakuasa di kawasan-kawasan pedalaman.

7. Para penduduk kampung digesa untuk memohon surat hakmilik kekal bagi tanah-tanah pertanian yang diusahakan oleh mereka.

8. Pegawai itu sedang mengedarkan kelendar percuma kepada para pelanggan yang berurusan di bank.

9. Para pelancong yang datang ke Malaysia pasti akan terpesuna oleh keunikan flora dan fauna yang terdapat di negara ini.

10. Kita harus mengurangkan pengambilan makanan yang mengandungi kolestrol yang tinggi sebagai langkah untuk menjaga kesihatan.
-
11. Para majikan diingatkan agar memastikan setiap pekerja mereka diberi perlindungan insuran kerana malang tidak berbau.
-
12. Aktiviti ko-kurikulum di sekolah bertujuan untuk memupuk nilai-nilai positif dalam kalangan murid.
-
13. Para murid sepatutnya memiliki sebuah buku kecil untuk disimpan di dalam poket baju yang dapat digunakan untuk mencatat perkataan-perkataan baharu.
-
14. Para cendekiawan dari seluruh pelosok negara berkumpul di Dewan Merdeka untuk menyertai persidangan ekonomi itu.
-
15. Setiap lapisan masyarakat digesa untuk menggembeleng tenaga dalam usaha menangani masalah demam denggi yang semakin kritikal kini.
-
16. Para graduan yang belum memperoleh sebarang pekerjaan sepatutnya berusaha sendiri dengan menjalankan aktiviti pertanian di desa secara komersil.
-
17. Pengemis itu duduk di laluan pejalan kaki sambil menadah tangan kerana mengharapkan ehsan orang yang lalu-lalang di situ.
-
18. Para delegasi dari negara-negara ASEAN sedang menghadiri majlis jamuan makan malam di hotel lima bintang itu.
-

19. Cikgu Sakinah meminta para pelajarnya agar menge-melkan karangan yang dihasilkan oleh mereka kepada beliau.
-
20. Mesyuarat agung yang diadakan itu bertujuan untuk memilih ahli jawatan kuasa yang baharu.
-
21. Para penduduk kampung yang tanah mereka terlibat dalam projek pembinaan landasan keretapi berkembar yang itu telah diberi bayaran pampasan oleh kerajaan.
-
22. Aktiviti melancong bersama-sama dengan keluarga bukan sahaja dapat mengeratkan silaturrahim tetapi juga dapat mengisi masa cuti dengan aktiviti yang berfaedah.
-
23. Pelanggan yang mengunjungi pameran buku itu diberikan baucer apabila mereka membeli buku di situ.
-
24. Peralatan sukan yang disimpan di setor itu disusun dengan kemas dan teratur agar dapat dicari dengan mudah.
-
25. Pengacara majlis itu menerangkan aturcara majlis yang akan berlangsung pada hari itu.
-
26. Encik Rosli telah dilantik sebagai salah seorang urusetia pertandingan reka cipta sempena Festival Robotik Peringkat Antarabangsa kali ke-14 yang akan diadakan baru-baru ini.
-
27. Dengan menggunakan resepi yang diwarisi sejak turun-temurun, martabak yang dijual di restoran itu amat enak sekali.
-

28. Kemudahan di stesen kereta api di negara kita sedang dinaiktaraf untuk memberikan keselesaan kepada pelancong domestik dan luar negara.
-

29. Bapa selalu membaca suratkhbar di ruang tamu apabila pulang dari pejabat.
-

30. Nasi briyani yang dihidangkan bersama dengan kurma kambing merupakan makanan paling digemari oleh para pengunjung restoran nasi kandar itu.
-

[30 markah]

Sumber : Cikgu Mega